

20 NOV 1999

Saya tidak pernah

BEKAS Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Zahid Hamidi adalah antara orang yang paling mendapat perhatian dalam senario politik negara berikutan pergerakan reformasi yang beliau turut laungkan tahun lalu.

Zahid sudah menerima 'hukuman' apabila melepaskan jawatan politiknya itu dan suatu ketika diletakkan di dalam pemerhatian Majlis Tertinggi UMNO.

Sejak itu, perkembangan politik beliau dinantikan khususnya pada pilihan raya ini sama ada digururkan atau terus kekal.

Kini sudah sah, Zahid dikekalkan di kawasan Parlimen Bagan Datoh. Ikutilah sedutan wawancara wartawan *Utusan*, Aziz Ishak mengenai reaksi dan pandangan beliau terhadap episod baru politiknya.

Soalan: APA reaksi Datuk atas pemilihan semula sebagai calon di sebalik imej Datuk sebelum ini sebagai salah seorang penggerak reformasi sebelum ini?

Zahid: Saya bersyukur ke hadrat Allah dan mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Timbalan

Perdana Menteri dan ramai lagi pemimpin yang secara peribadi memahami perjalanan saya dalam politik UMNO.

Sejak berjumpa Perdana Menteri pada 21 Jun bagi meminta maaf ke atas apa yang telah saya lakukan, saya bertekad kuat untuk berjuang dalam UMNO biarpun saya akan menghadapi banyak dugaan. Ketika itu, saya berkata di dalam hati, tidak akan berpatah balik biarpun ada pihak marahkan saya dan mendesak saya bersama mereka menentang UMNO.

Saya belajar dari sejarah termasuk sejarah Dr. Mahathir dan Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi). PM pernah diragui kesetiannya semasa zaman Tunku Abdul Rahman dan Pak Lah pernah 'direhatkan' dari kabinet selama lebih tiga tahun.

Mereka tidak pernah tinggalkan parti atau menentang parti. Sebab itulah apabila saya dalam perhatian Majlis Tertinggi, saya buktikan komitmen saya kepada parti. Saya bukan sahaja kuatkan akar umbi di kawasan Parlimen saya di Bagan Datoh malah menjelajah ke seluruh negara untuk membantu memantapkan parti.

Soalan: Pernah Datuk terfikir selepas kemelut itu, masa depan politik Datuk akan malap?

Zahid: Saya ambil semangat Khalid ibni Walid ketika zaman Omar Al-Khattab. Semasa dia mengetuai bala tentera di medan perang, utusan daripada Omar tiba mengarahkan beliau menyerahkan tampuk kepimpinan kepada orang lain.

kecewa — Zahid

Khalid tidak pun merajuk apatah lagi rasa marah atau kecewa. Walaupun hanya sebagai askar biasa, dia berjuang habis-habisan. Walaupun saya pernah menyandang jawatan Ketua Pemuda kemudian melepaskan jawatan itu, saya tidak pernah rasa gementar dan kecewa.

Itu ketentuan Allah. Kalau dulu saya naik dari bawah mengapa apabila kita berada di bawah semula, kita tidak boleh menerima. Prinsip saya adalah kepada perjuangan parti demi untuk agama, bangsa dan negara. Sebab itu saya tidak menentang parti. Bagi saya, yang penting ialah keikhlasan perjuangan apatah lagi saya meyakini dan sehati kuat dengan perjuangan UMNO. Atas asas itu, saya tidak kisah jika tidak mendapat apa-apa selaku askar biasa.

Soalan: Apa fokus Datuk tumpukan selepas ini?

Permasalahan

Zahid: Saya mengakui merupakan salah seorang yang menjadi punca kepada permasalahan yang ada. Saya merasa bertanggungjawab untuk membantu menyelesaikan permasalahan tersebut bersama kepimpinan yang ada.

Tumpuan saya bukan setakat di kawasan saya di Bagan Datoh tetapi untuk terus meyakinkan masyarakat Melayu terhadap kewajaran dan kepentingan UMNO pada masa depan.

Suka atau tidak, UMNO masih menjadi senjata utama

orang Melayu. Masa depan, survival dan maruah orang Melayu tidak boleh digolok-gadaikan dengan melemahkan senjata ini.

Soalan: Pandangan Datuk terhadap Dr. Mahathir?

Zahid: Sejak dulu, rasa hormat dan kagum saya terhadap Perdana Menteri tidak pernah berubah. Malah saya terus mengagumi keupayaan beliau menyelesaikan permasalahan negara dengan idea dan keyakinannya.

Kita tidak mampu menolak pemimpin yang mempunyai budaya kecemerlangan seperti beliau. Berlaku jujurlah dalam penilaian kita.

Pada saya, pemilihan saya ini juga merupakan hakikat jelas beliau seorang demokrat sejati dan meletakkan kriteria yang berhemat. Beliau tidak mengira imej saya sebelum ini. Padahal, beliau boleh sakit hati dan menghukum saya.

Soalan: Bagaimana Datuk melihat peluang Keadilan, parti yang diasaskan daripada gerakan reformasi?

Zahid: Asas dan wadah perjuangan mereka tidak sama dengan UMNO. Harus diingat, kita tidak dapat lari daripada hakikat bahawa perjuangan untuk individu dan bersifat sempit tidak akan diterima. Kepada mereka, kembalilah ke landasan sebenar.